

**Petugas PRU13 Bagi Kawasan Parlimen Tawau Mengundi Hari Ini**  
**Bernama**  
**25 April, 2013**

TAWAU, 25 April (Bernama) -- Seramai 360 petugas pilihan raya, termasuk 10 petugas media di kerusi Parlimen Tawau yang akan bertugas pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) 5 Mei ini, hari ini menunaikan kewajipan mereka sebagai pengundi.

Penolong Pegawai Pengurus Parlimen P190 Tawau, Isnen Mohd Said berkata petugas berkenaan yang merupakan pengundi awal menunaikan kewajipan mereka di pusat pengundian di Pejabat Majlis Perbandaran Tawau yang dibuka pada 9 pagi dan ditutup 5 petang ini.

Hasbi Selamat, 32, jurukamera Radio Televisyen Malaysia (RTM) Tawau yang bertugas di Lahad Datu sepanjang proses PRU13 berkata beliau dan rakannya berlepas dari Lahad Datu kira-kira 7.30 pagi ini.

Beliau yang pertama kali mengundi berkata: "Sebelum ini, saya tidak begitu sedar mengenai pentingnya undi itu kepada sistem perjalanan pentadbiran negara kita.

"Hari ini saya sudah faham dan sedar. Tadi saya dan rakan bertolak dari Lahad Datu pada 7.30 pagi untuk menunaikan kewajipan ini. Saya begitu gembira dapat mengundi kali ini".

Wartawan RTM Tawau, Tamri Jamil berkata beliau merasa selesa kerana dapat menunaikan kewajipannya lebih awal dan dengan itu boleh menumpukan perhatian terhadap tugas membuat liputan pilihan raya umum kali ini.

Tamri, 39, berkata dengan adanya kemudahan yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kepada petugas media yang bertugas di luar kawasan sepertinya, beliau tidak perlu lagi tergesa-gesa untuk balik ke kawasan mengundi.

"Mengundi adalah tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia. Inilah sumbangan kita untuk menentukan kepimpinan masa depan negara kita. Saya memang tidak ingin melepaskan peluang ini," katanya.

Penjawat awam, Siti Ruqayyah Syarifuddin, yang akan bertugas di pusat mengundi di SK Taman Tawau pada 5 Mei ini, berkata pengundian awal ini merupakan kali kedua baginya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945105>